

SEKOLAH TUN FATIMAH

JALAN TUN ABDUL RAZAK,
80000 JOHOR BAHRU

Tel : 07-2364706 (Pej. Am)

Fax : 07-2376961

E-mail : stfjbj@gmail.com

Laman Web : www.stf.edu.my

Ruj. Kami : STF.700-2/1/2 (14)
Tarikh : 28 Februari 2024

Kepada;
Ibu Bapa / Penjaga Murid
Sekolah Tun Fatimah
80000 Johor Bahru

Tuan/Puan,

MAKLUMAN PEMBUKAAN SEKOLAH BAGI MURID TINGKATAN DUA HINGGA TINGKATAN LIMA SESI 2024/2025

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman tuan, sesi persekolahan bagi murid tingkatan dua (2) hingga tingkatan lima (5) akan bermula pada 10 Mac 2024. Sehubungan dengan itu, murid perlu kembali ke sekolah seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 9 Mac 2024 (Sabtu)
Masa : 8:00 pagi hingga 5:00 petang
Tempat Pendaftaran : Pejabat Asrama, STF

3. Bersama-sama ini disertakan lampiran berikut untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya:

- 3.1 Yuran Makan Asrama
- 3.2 Senarai Barangan Yang Perlu Dibawa Ke Asrama
- 3.3 Senarai Barang Larangan Dibawa Ke Sekolah dan Asrama
- 3.4 Perkhidmatan Dobi
- 3.5 Maklumat Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM)


Kerjasama dan keprihatinan tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan Amanah,


RADZIAH BINTI MOHD DIN
Pengetua

1. BAYARAN YURAN MAKAN ASRAMA BAGI TAHUN 2024

Rujuk (lampiran)

2. SENARAI BARANGAN YANG PERLU DIBAWA KE ASRAMA

BIL	PERKARA	KUANTITI MINIMA
1	Pakaian Seragam Sekolah	
	- Sekolah	Secukupnya
	- Kasut hitam bertutup (<i>court shoes</i>)	1 pasang
	- Sukan / Kokurikulum	Secukupnya
2	Keperluan peribadi - Sejadah - Telekung Putih	1 pasang
3	Sudu Garfu	1 pasang
4	Cawan/Mug (kecuali jenis kaca)	1 unit
5	Kasut Casual	Sepasang
6	Tudung Berwarna pastel (Bawal Sahaja)	secukupnya
7	Pakaian prep (baju kurung berpesak amat digalakkan dan labuh baju bawah lutut)	Secukupnya
8	Lain-lain pakaian/ peralatan yang perlu sahaja	Secukupnya
9	Peralatan mandian	Secukupnya
10	Ubat-ubatan sekiranya perlu	Secukupnya

Catatan

1. Senarai ini merupakan cadangan keperluan murid yang perlu dibawa ketika melapor diri semula ke sekolah
2. Sekiranya item yang dinyatakan sudah ada di asrama, murid tidak perlu menyediakan lagi keperluan ini
3. Sila pastikan barang keperluan selain yang disenaraikan seperti pakaian harian mencukupi untuk kegunaan murid sepanjang tempoh persekolahan

3. SENARAI BARANG LARANGAN DIBAWA KE SEKOLAH DAN ASRAMA

- 3.1 Telefon bimbit android / iphone (SPI Bil 2/2018)
- 3.2 Radio, komputer riba, Broadband, MP3 dan MP4
- 3.3 Peralatan elektrik (pemanas air, penggosok, pengering rambut dan sebagainya)
- 3.4 Rokok / dadah/ minuman keras
- 3.5 Barang kemas/ perhiasan/ pakaian menjolok mata/beraneka fesyen / Tshirt berunsur negatif
- 3.6 Barang berjenama / mewah

- 3.7 Seluar jeans/ berkocek banyak
- 3.8 Buku / majalah / gambar lucah dan berunsur negatif
- 3.9 Bahan / permainan berbahaya seperti mercun, peralatan tajam yang boleh mengancam keselamatan
- 3.10 Kardigan
- 3.11 Seluar sukan jenis cotton

4. PERKHIDMATAN DOBI

Pihak sekolah telah menambahbaik beberapa alternatif untuk perkhidmatan dobi. Alternatif

Perkhidmatan dobi iaitu:

4.1 Perkhidmatan Dorby Bayu

- 4.1.1 Perkhidmatan Dorby Bayu adalah melalui Pengurusan Koperasi Sekolah Tun Fatimah Johor Bahru Berhad. Perkhidmatan ini adalah **tidak wajib** kepada semua murid dan menggunakan sistem tambah nilai (top up)
- 4.1.2 Sebarang urusan pembayaran deposit dan tambah nilai RM 100, RM 200 dan RM 300 secara atas talian menerusi kaedah bayaran JOMPAY. JOMPAY Online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun semasa, simpanan atau kad kredit



BILLER CODE : 91066
REF 1 : < NAMA KELAS >
REF 2 : < NAMA PENUH >

- 4.1.3 Pembayaran juga boleh dibuat melalui
Bank : Bank Rakyat Kopersi Sekolah Tun Fatimah
Johor Bahru Berhad
No Akaun : 1100348623
Rujukan : Deposit Dobi / Nilai tambah
- 4.1.4 Ibu bapa / penjaga perlu menghantar transaksi pembayaran kepada
Pn. Nur Faraaini Hassan di talian 0108308044 sebagai bukti pembayaran. Tanpa bukti pembayaran, ianya dianggap tidak sah

4.2 Perkhidmatan Mesin Basuh Asrama

Perkhidmatan ini menggunakan syiling. Setiap cucian dikenakan sebanyak RM 3.00. Penggunaan adalah mengikut waktu lapang murid.

5. MAKLUMAT MURID DI APLIKASI PANGKALAN DATA MURID (APDM)

Maklumat murid di APDM perlu dikemaskini sekiranya ada perubahan bagi butiran seperti berikut:

- 5.1 Alamat Tempat Tinggal
- 5.2 Nombor Telefon Penjaga
- 5.3 Pendapatan Penjaga